

71- Jika sesuatu perkataan mempunyai beberapa erti, maka tiada sesiapa pun boleh memalingkannya daripada mana-mana ertinya melainkan apabila ada hujah dan dalil.	قاعدة ٧١ الْكَلِمَةُ إِذَا اخْتَمَلَتْ وُجُوهًا لَمْ يَكُنْ لِأَحَدٍ صَرْفٌ مَعْنَاهَا إِلَى بَعْضِ وُجُوهِهَا دُونَ بَعْضٍ إِلَّا بِحُجَّةٍ.	
---	---	--

Huraian Maksud Qaedah:

Jika terdapat satu perkataan di dalam al-Qur'an yang mempunyai beberapa ma'na, maka seseorang tidak boleh bertindak mengkhususkannya dengan mana-mana ma'nanya yang ma'lum melainkan apabila ada dalil yang menghendaki ia khusus dengan salah satu daripada ma'na-ma'na itu.

Contoh-contohnya:

(1) Perkataan اشتروا yang terdapat dalam firman Allah di bawah ini:

أُولَٰئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا الضَّلَالَةَ بِالْهَدَىٰ وَالْعَذَابِ بِالْمَغْفِرَةِ فَمَا أَصْبَرَهُمْ عَلَى النَّارِ ﴿١٧٥﴾

Bermaksud: Mereka itulah orang-orang yang membeli kesesatan dengan meninggalkan petunjuk (ugama Allah), dan (membeli) azab seksa neraka dengan meninggalkan keampunan Tuhan. Maka alangkah beraninya mereka menghadapi api neraka! (al-Baqarah:175).

Perkataan اشتراء mempunyai beberapa erti. Antaranya:

(i) اَعْتِيَاضُ شَيْءٍ بِبَيْتِلِ شَيْءٍ مَكَانَهُ عِوَضًا مِنْهُ (Memperoleh sesuatu dengan membayar harganya).

(ii) الاختيار والاستحباب (memilih dan mengutamakan sesuatu berbanding sesuatu yang lain). Antara buktinya ialah firman Allah berikut:

وَأَمَّا ثَمُودُ فَهَدَيْنَاهُمْ فَاسْتَحَبُّوا الْعَمَىٰ عَلَى الْهُدَىٰ فَأَخَذَتْهُمُ صَاعِقَةُ الْعَذَابِ الْهَوْنِ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿١٧﴾

Bermaksud: Adapun kaum Thamud, maka Kami beri petunjuk kepadanya, lalu mereka memilih dan mengutamakan kebutaan (kesesatan) daripada hidayah petunjuk; mereka pun disambar oleh petir azab yang menghina dengan sebab apa yang mereka telah lakukan. (Fusshilat:17).

(iii) أَخَذَ شَيْءًا بِتَرْكِ شَيْءٍ (mengambil sesuatu dengan meninggalkan sesuatu yang lain).

Ketiga-tiga ertinya itu tidak boleh dipakai serentak di situ. Malah salah satu daripadanya mestilah dipilih, dan untuk memilih salah satu ertinya mestilah ada dalil dan bukti. Erti pertama tidak boleh diterima kerana ayat itu bercerita tentang orang-orang munafiq sebenar (nifāq i`tiqādi). Orang-orang munafiq sebenar itu pada hakikatnya adalah orang-orang kafir, kerana mereka tidak pernah menerima pun Islam dengan hati yang ikhlas.

Kalau mereka tidak pernah Islam, bagaimana akan benar dikatakan mereka telah membeli kesesatan dengan meninggalkan petunjuk (ugama Allah)?

Apa yang berlaku sebenarnya ialah mereka telah memilih dan mengutamakan kesesatan berbanding petunjuk (ugama Allah), atau mereka telah mengambil kesesatan dengan meninggalkan petunjuk. Dengan itu, erti kedua dan ketigalah sepatutnya diambil untuknya, bukan erti pertama.

(2) Perkataan قُرُوء yang terdapat dalam firman Allah di bawah ini:

وَالْمُطَلَّقَاتُ يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ ثَلَاثَةَ قُرُوءٍ ﴿٢٨﴾

Bermaksud: Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (dari berkahwin) selama tiga quru', (al-Baqarah:228).

Perkataan قُرُوء mempunyai banyak erti. ثَلَاثَةُ قُرُوءٍ (tiga quru') yang tersebut di dalam firman Allah ini merupakan perkataan "ijmal". Ertinya masih samar dan tidak jelas. Kerana menurut bahasa `Arab perkataan "quru'" itu adalah suatu perkataan yang menunjukkan sekurang-kurangnya dua erti yang berlawanan. Pertamanya ialah haidh, dan keduanya ialah tempoh suci dari haidh. Mana satu daripada keduanya yang dimaksudkan sebenarnya? Adakah tiga kali berhaidh atau tiga kali suci dari haidh? Firman Allah di dalam Surah at-Thalaq menjelaskan bahawa ia bererti tiga kali suci dari haidh. Lihat firman Allah berkenaan di bawah ini:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِذَا طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ فَطَلِّقُوهُنَّ لِعَدَّتِهِنَّ وَأَحْصُوا الْعِدَّةَ ... ①

Bermaksud: Wahai Nabi! Apabila kamu - (engkau dan umatmu) - hendak menceraikan isteri-isteri (kamu), maka ceraikanlah mereka pada masa mereka dapat memulakan idahnya, dan hitunglah masa idah itu (dengan betul),... (at-Thalaq:1).

Allah s.w.t. memerintahkan kepada orang-orang yang hendak menceraikan isteri-isteri mereka supaya menceraikannya pada masa mereka dapat memulakan idahnya. Masa itu ialah ketika mereka sedang suci dari haidh dan tidak disetubuhi. Itulah masa mula ber'iddah yang diperintahkan oleh Allah melalui firmanNya: “dan hitunglah masa idah itu (dengan betul)”.

Sudut bahasa `Arab juga menguatkan perkataan قروء yang terpakai di dalam ayat ke-228 itu adalah dengan erti suci dari haidh (الطهر), bukan dengan erti haidh (الحيض) itu sendiri. Sebabnya ialah menurut qaedah bahasa `Arab nama bilangan (العدد) yang bermula dari tiga hingga sembilan akan bercanggah daripada segi jantinya dengan sesuatu yang dibilang (المعدود). Perkataan الطهر menurut bahasa `Arab adalah muzakkar (perkataan jantan). Perkataan الحيض pula adalah muannats (perkataan betina). Oleh kerana nama bilangan yang digunakan di sini ialah muannats, iaitu ثلاثة bukan ثلاث, maka sudah tentulah ma'dudnya (sesuatu yang dibilang itu) muzakkar. Dan yang muzakkarnya di sini ialah الطهر bukan الحيض. Oleh kerana al-Qur'an itu diturunkan dalam bahasa `Arab yang terang dan jelas, maka mestilah ia diambil kira.

Sunnah Nabi s.a.w. juga menjelaskan demikian. Ibnu `Umar pernah menceraikan isterinya pada ketika ia sedang berhaidh. Setelah diberitahu oleh `Umar tentang apa yang telah dilakukan oleh Ibnu `Umar itu, Nabi s.a.w. menyuruh supaya Ibnu `Umar merujuk isterinya, lalu Baginda s.a.w. bersabda: ثم ليطلقها طاهرا أو حاملا Bermaksud: kemudian biarlah dia menceraikannya (jika dia mahu), sama ada isterinya itu dalam keadaan suci (dari haidh) atau dalam keadaan hamil. (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, Abu Daud, Tirmidzi, Nasaa'i, Ibnu Majah dan lain-lain).

Hadits ini menjelaskan talaq mengikut Sunnah ialah pada masa isteri dalam keadaan suci, tidak berhaidh. Itulah masa mereka dapat memulakan idahnya. Masanya ialah ketika mereka sedang suci dari haidh dan tidak pula disetubuhi.

(3) Perkataan تأويل yang tersebut dalam firman Allah ini:

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ آيَاتٌ مُحْكَمَاتٌ هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ وَأُخَرُ مُتَشَابِهَاتٌ فَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ زَيْغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَابَهَ مِنْهُ

أَتَبَغَاءَ الْفِتْنَةِ وَأَتَبَغَاءَ تَأْوِيلِهِ وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ ءَامَنَّا بِهِ كُلٌّ مِّنْ عِندِ رَبِّنَا وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ

٧

Bermaksud: ...Padahal tidak ada yang mengetahui Takwilnya (tafsir maksudnya yang sebenar) melainkan Allah...(Aali 'Imraan;7).

Perkataan تأويل juga mempunyai beberapa erti, antaranya ialah:

- (i) Tafsiran dan huraian ma'na sesuatu perkataan.
- (ii) Menta'bir (mimpi).
- (iii) Hakikat sebenar sesuatu perkara.
- (iv) Memalingkan percakapan daripada ma'na zahirnya kepada ma'na lain yang boleh juga diterima.
- (v) Kesudahan dan akibat dari sesuatu.

Walaupun boleh dikatakan semua erti tersebut ada digunakan di dalam al-Qur'an, namun oleh kerana ma'na ketiga (iii) dan ma'na kelima (v) daripadanya banyak juga digunakan di dalam al-Qur'an, maka orang-orang yang memakai perkataan تأويل yang tersebut di dalam ayat ke-7 Surah Aali 'Imraan di atas dengan erti ketiga dan kelima itu juga mempunyai dalil dan bukti yang kuat. Perkataan تأويل dengan erti ketiga dan kelima itu dapat anda lihat pada beberapa firman Allah di bawah ini sebagai contoh:

.... وَقَالَ يَأْبَتِ هَذَا تَأْوِيلُ رُءْيَايَ مِن قَبْلُ قَدْ جَعَلَهَا رَبِّي حَقًّا ﴿١٣٠﴾

Bermaksud: ...Dan (pada saat itu) berkatalah Yusuf: “Wahai ayahku! Inilah dia ta'bir mimpiku dahulu. Sesungguhnya Allah telah menjadikannya suatu kenyataan...” (Yusuf:100). Maksudnya ialah inilah dia hakikat sebenar mimpiku dahulu.

هَلْ يَنْظُرُونَ إِلَّا تَأْوِيلَهُ يَوْمَ يَأْتِي تَأْوِيلَهُ يَقُولُ الَّذِينَ نَسُوهُ مِن قَبْلُ قَدْ جَاءَتْ رُسُلُ رَبِّنَا بِالْحَقِّ فَهَلْ لَنَا مِن شُفْعَاءَ فَيَشْفَعُوا لَنَا أَوْ نُرَدُّ فَنَعْمَلَ غَيْرَ الَّذِي كُنَّا نَعْمَلُ قَدْ خَسِرُوا أَنفُسَهُمْ وَضَلَّ عَنْهُمْ مَا كَانُوا يَفْتَرُونَ ﴿٥٧﴾

Bermaksud: Tidak ada perkara yang mereka tunggu-tunggukan melainkan akibat atau kesudahan (apa yang telah dijanjikan oleh Allah di dalam al-Qur'an), pada hari datangnya apa yang telah

dijanjikan dalam al-Qur'an itu (pada hari kiamat kelak), berkatalah orang-orang yang telah melupakannya (yang tidak menghiraukannya dalam dunia) dahulu: "Sesungguhnya telah datang Rasul-rasul Tuhan kami dengan membawa kebenaran, maka adakah untuk kami pemberi syafaat supaya mereka memberi syafaat bagi kami atau (bolehkah) kami dikembalikan (ke dunia) supaya kami dapat beramal, lain daripada apa yang kami telah kerjakan?" Sesungguhnya mereka telah merugikan diri mereka sendiri, dan telah lenyaplah dari mereka perkara-perkara yang mereka adakan dahulu. (al-A`rāf:53).

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil-Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Qur'an) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya. (an-Nisā':59). / 22/3/23